



**TRANSKRIP TEMUBUAL TOKOH BOLA SEPAK KG. TEBING TINGGI
BERSAMA
ENCIK MUHAMMAD ZAMRI BIN HASSAN**

MUHAMMAD ARIF BIN AFFINDI

(2013553397)

RHAFDAN BIN ISMAIL

(2013349959)

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) SEGAMAT
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – ORAL DOCUMENTATION
SEMESTER MAC 2015-JUN 2015**

ISI KANDUNGAN**PENGHARGAAN**

| | | |
|------|---------------------------------------|----|
| 1.0 | ABSTRAK | 1 |
| 2.0 | PENGENALAN: SUKAN BOLA SEPAK TEMPATAN | 2 |
| 2.1 | LIGA BOLA SEPAK YANG PERNAH DISERTAI | 3 |
| 2.2 | KRONOLOGI PERJALANAN | 5 |
| 2.3 | PENCAPAIAN DI DALAM BOLA SEPAK | 6 |
| 3.0 | TRANSKRIP TEMUBUAL | 7 |
| 4.0 | LOG TEMUBUAL | 65 |
| 4.1 | AUDIO 1 | 65 |
| 4.2 | AUDIO 2 | 66 |
| 5.0 | BIODATA TOKOH | 67 |
| 6.0 | SENARAI SOALAN TEMUBUAL | 68 |
| 7.0 | KRONOLOGI TEMUBUAL | 72 |
| 8.0 | RALAT | 74 |
| 9.0 | BIBLIOGRAPHY | 75 |
| 10.0 | LAMPIRAN | 76 |
| 11.0 | INDEKS | 82 |

PENGHARGAAN

Assalamualaikum W.B.T

Alhamdulillah syukur kehadrat Illahi Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaanNya serta keizinanNya kami dapat menyempurnakan tugasan yang diberikan. Kami juga bersyukur kerana diberikan kesihatan tubuh badan yang sihat bagi membuat tugasan dengan jayanya.

Sudah pastinya tanpa dorongan dan tunjuk ajar kepada kami iaitu En.Zul Azmi bin Ishak Pensyarah Sejarah Lisan (IMR604) Fakulti Pengurusan Maklumat, kami tidak dapat menyempurnakan tugas ini. Kami mengucapkan sekalung terima kasih kerana memberikan informasi tentang cara-cara untuk menjalankan tugasan sejarah lisan ini. Disamping itu juga, perlbagai kardah dan panduan yang telah beliau curahkan kepada kami dalam membuat temu bual dan transkrip ini.

Setinggi-tinggi terima kasih kepada En. Muhammad Zamri Bin Hasan yang mana kami telah memilih beliau sebagai individu untuk ditemuramah. Jasa dan kerjasama beliau kami hargai dan tidak dilupakan kerana dapat meluangkan masa dan berkongsi maklumat tentang sumbangsan dan pengorbanan beiau dalam bidang sukan bola sepak tempatan. Tanpa kerjasama dan perkongsian beliau pasti kami tidak dapat memperolehi maklumat dari beliau yang sangat berharga kepada rakyat Malaysia.

Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan yang turut memberikan idea dan pandangan serta peruoongan dalam menyiapkan tugasan ini. Akhir sekali, tidak dilupakan juga kepada individu terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam tugasani ini.

Sekian Terima Kasih

ABSTRAK

1.0 ABSTRACT

Abstract: Rhafdan bin Ismail dan Muhammad Arif bin Affindi telah menemubual Encik Muhammad Zamri bin Hasan pada 27 Jun 2015. Temubual ini telah di buat di rumah bapanya beliau iaitu di No1. Jalan Imam Kg. Tebing Tinggi, 85000, Segamat, Johor Darul Takzim. Encik Muhammad Zamri telah dilahirkan pada tahun 7 April 1981 di Hospital Besar Segamat. Beliau merupakan anak yang ke tujuh dari 8 adik beradik dan beliau kini sudah berkahwin dan mempunyai 3 orang anak. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Tebing Tinggi dan melanjutkan sekolah menengah tingkatan 1 hingga 3 di Sekolah Menengah Jementah dan berpindah pula ke Sekolah Menengah Gemerih untuk tingkatan 4 dan 5. Sejak di bangku sekolah rendah lagi beliau telah menceburi bidang sukan bola sepak ketika berumur 8 tahun lagi. Sejak dari itu beliau mula bergiat aktif pula di sekolah menengah pula dengan mewakili sukan bola sepak wakil sekolahnya dan setelah tamat SPM pada usia 19 tahun beliau mewakili Johor untuk kejohanan sukan Sukma di Pulau Pinang pada tahun 2000. Pelbagai rintangan dan pengalaman yang dialami oleh Encik Muhammad Zamri di sepanjang menceburi sukan bola sepak. Tidak sedikit pun minat beliau di dalam bidang bola sepak dibantah oleh ibu dan bapanya, malah disokong penuh minatnya itu. Beliau merupakan inspirasi anak muda di Kg. Tebing Tinggi yang berminat bermain sukan bola sepak, keberadaannya di Kg Tebing Tinggi mendapat sambutan kerana kehebatannya bermain bola sepak lebih-lebih lagi setelah beliau telah mendapat pingat kasut emas kerana menjadi penjaring gol terbanyak untuk Liga Perdana pd tahun 2010.

PENGENALAN

2.0 PENGENALAN : SUKAN BOLA SEPAK TEMPATAN

Sejarah bola sepak di Malaysia bermula dengan ditubuhkannya Persatuan Bola Sepak Malaysia atau Pasukan bola sepak kebangsaan Malaysia di Kuala Lumpur pada tahun 1920 dengan pimpinan Andrew Caldecott, gabenor Hong Kong 1935 - 1937. Sejak ketika itu, aktifiti bola sepak semakin kerap digerakkan oleh FAM dan semakin banyak rakyat yang gemar bermain bola sepak di dataran tempat Piala HMS Malaya (kini Piala Malaysia) dianjurkan. Sebagai bentuk sokongan terhadap kebangkitan "Bola Sepak Kebangsaan", maka Stadium Nasional Bukit Jalil akhirnya dibangun pada tahun 1993 sehingga 1998 dan dibuka pada tahun 1998 sempena Sukan Komanwel 1998 yang rupa - rupanya memperhaibatkan dunia bola sepak di Malaysia. Selepas Andrew Caldecott meninggal dunia pada 1951, dua puluh tahun selepas itu, ramai pemain - pemain pasukan Malaysia yang mewakili Malaysia dalam kejohanan antarabangsa. Mereka ialah Mokhtar Dahari (pemain terbaik di Asia dan pemenang bola emas AFC), Hassan Sani, Isa Bakar, dan James Wong. Semenjak dekad 1970-an, prestasi bola sepak di Malaysia boleh dicakap telah mencapai kemuncak, dalam erti bahawa bola sepak di Malaysia merupakan bola sepak yang berkuasa tingkatan pertama di Asia dan tingkatan lima dunia. Manakala, negara-negara pada wilayah Asia Timur seperti Korea Selatan dan Jepun boleh dicakap "tak memiliki prestasi apapun dalam dunia bola sepak". Ialah pemain terbaik di Asia dan pemenang bola emas AFC, Allahuham Mokhtar Dahari (1953-1991), bekas penyerang pasukan Malaysia yang sangat popular di Asia, yang telah memperhaibatkan dunia bola sepak di Malaysia. Tak hanya itu ajer, Hassan Sani "si Lipas Kudung" pun telah menolong James Wong dalam menjaringkan gol kedua yang membawa Malaysia untuk masuk Sukan Olimpik Moscow 1980. Untuk kali pertama, Malaysia memenangi Piala Suzuki AFF 2010 dan menjadi gelaran pertama Malaysia untuk tingkatan Asia Tenggara. Piala Malaysia ialah kejohanan bola sepak pertama di Asia dengan nama Piala HMS Malaya yang bermula pada tahun 1921. Penganjuran Piala HMS Malaya untuk kali pertama,Kelantan memenangi kejohanan ini. Selangor ialah pembimbit gelaran terbanyak dalam sejarah Piala Malaysia. Pestabola Merdeka, dianjurkan sama semacam Piala Dunia FIFA, ialah kejohanan bola sepak antarabangsa yang dianjurkan untuk memeriahkan sambutan majlis hari kebangsaan pada bulan Ogos.

2.1 PENGENALAN LIGA BOLA SEPAK YANG PERNAH DISERTAI ENCIK MUHAMMAD ZAMRI BIN HASAN

2.1.1 LIGA SUPER

Liga Super Malaysia merupakan pertandingan bola sepak tahap teratas dalam Liga Malaysia di Malaysia. Ia menggantikan Liga M sebagai divisyen tertinggi yang mana sesebuah pasukan profesional di Malaysia boleh melibatkan diri. Liga Super mula diperkenalkan pada tahun 2004, yang merupakan kesinambungan kepada liga sebelumnya yang bermula semenjak 1982. Sebenarnya pertandingan liga agak lewat bermula di Malaysia, walaupun bola sepak telah lama bertapak di Malaysia semenjak lahirnya kejohanan Piala Malaysia pada 1921. Liga ini hanya menyajikan kepada lapan pasukan teratas di dalam negara ini. Pasukan dua terbawah biasanya akan disingkirkan kepada Liga Perdana Malaysia. Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) juga telah memutuskan untuk menswastakan liga ini dan mencipta MSL Sendirian Berhad (atau MSL Proprietary Limited) untuk melihat aspek pemasaran permainan ini. Liga ini pernah menggunakan lapan pasukan dan pasukan-pasukan akan bermain tiga pusingan perlawanan (jumlah 21 perlawanan). Dua pusingan yang pertama dimainkan berdasarkan format tuan rumah/pelawat manakala pusingan ketiga akan dihoskan oleh stadium yang mempunyai bilangan penonton yang lebih besar berdasarkan dua pusingan yang pertama. Daripada Liga Super Malaysia 2009, liga ini akan mempunyai 14 pasukan, dan semua pasukan akan bermain sesama sendiri hanya dua kali (jumlah 26 perlawanan). Ianya telah diputuskan bahawa semua pasukan tidak akan dibenarkan memiliki pemain asing walaubagaimanapun pada tahun 2012, FAM telah memutuskan untuk membuka kembali peluang untuk menggunakan pemain import dari luar dengan syarat yang tertentu.

2.1.2 LIGA PERDANA

Liga Perdana merupakan pertandingan bola sepak tahap kedua dalam Liga Malaysia, selepas Liga Super. Liga Perdana mula diperkenalkan pada tahun 1989, yang merupakan kesinambungan kepada liga sebelumnya yang bermula semenjak 1982. Sebenarnya pertandingan liga agak lewat bermula di Malaysia, walaupun bola sepak telah lama bertapak diMalaysia semenjak lahirnya kejohanan Piala Malaysia pada 1921.

2.2 KRONOLOGI PERJALANAN ENCIK MUHAMMAD ZAMRI BIN HASAN DALAM BIDANG BOLA SEPAK

- 2.2.1 TAHUN 2000 MEWAKILI JOHOR UNTUK SUKMA DI PULAU PINANG
- 2.2.2 TAHUN 2001 – 2002 MENYERTAI PIALA PRESIDEN JOHOR BAWAH 21 TAHUN
- 2.2.3 TAHUN 2003 – 2007 MEWAKILI KUALA LUMPUR (LIGA PERDANA)
- 2.2.4 TAHUN 2008 MEWAKILI PROTON FC (LIGA PERDANA)
- 2.2.5 TAHUN 2009 MEWAKILI PERLIS (LIGA SUPER)
- 2.2.6 TAHUN 2010 – 2011 MEWAKILI PKNS FC (LIGA PERDANA)
- 2.2.7 TAHUN 2012 MEWAKILI SIME DARBY FC (LIGA PERDANA)
- 2.2.8 TAHUN 2013 MEWAKILI JOHOR FA (LIGA PERDANA)
- 2.2.9 TAHUN 2014 MEWAKILI PBA FC (LIGA PERDANA)
- 2.2.10 TAHUN 2015 MEWAKILI KUANTAN FC (LIGA PERDANA)

2.3 PENCAPAIAN SEPANJANG BERADA DI DALAM BIDANG BOLA SEPAK TEMPATAN

- 2.3.1 PADA TAHUN 2005 MEMBAWA KUALA LUMPUR SEHINGGA SEPARUH AKHIR PIALA FA.
- 2.3.2 PADA TAHUN 2008 – 2010 DIANUGERAHKAN PENYERANG 100PLUS KEBANGSAAN.
- 2.3.3 PADA TAHUN 2009 MENJADI JUARA LIGA SUPER, SEPARUH AKHIR PIALA FA DAN PIALA MALAYSIA.
- 2.3.4 PADA TAHUN 2010 DIANUGERAHKAN KASUT EMAS OLEH PERS BOLA SEPAK MALAYSIA KERANA MENJADI PENJARING TERBANYAK LIGA PERDANA.
- 2.3.5 PADA TAHUN 2011 MENJADI JUARA LIGA PERDANA BERSAMA PASUKAN PKNS FC.
- 2.3.6 PADA TAHUN 2012 MENJADI FINALIS PIALA FA BERSAMA SIME DARBY FC.

3.0 TRANSKIP TEMUBUAL

3.1 KASET SATU (1) BAHAGIAN A

Assalamualaikum W.B.T berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan mengenai biodata, peranan, dan sumbangsan En. Mohammad Zamri Bin Hasan di dalam bidang sukan bola sepak tempatan. Beliau merupakan tokoh sukan yang sangat disegani di Kg. Tebing Tinggi kerana telah menyertai banyak kelab bola sepak tempatan dan pernah mengharumkan namanya dengan dianugerahkan pingat kasut emas kerana telah menjadi penjaring yang terbanyak pada zaman kebangkitan beliau. Sesi rakaman ini telah dijalankan di rumah bapanya di No Satu (No.1). Jalan Imam Kg. Tebing Tinggi, 85000, Segamat, Johor Darul Takzim. Temubual dilakukan pada pukul lapan malam hingga pukul sepuluh malam (8.00pm – 10.00pm) pada tarikh dua puluh tujuh haribulan jun tahun dua ribu lima belas (27.6.2015). Wawancara ini dikendalikan oleh Muhamad Arif Bin Affindi dan juga saya Rhafdan Bin Ismail. Dengan ini saya memulakan transkrip wawancara tersebut.

MAA: Muhamad Arif Bin Affindi

RI: Rhafdan Bin Ismail

MZH: Muhammad Zamri Bin Hasan

MAA: Assalamualaikum bang?

MZH: Waalaikumsalam w.b.t.

MAA: Okay bang, Kami ni (ini) dari UiTM Segamat, Beberapa hari lepas kami ada buat panggilan untuk menemu ramah abang.

MZH: Haa Yaa..

MAA: Okay saya. Hari tu kawan saya ada call (menghubungi) iaitu Rhafdan bin Ismail.

MZH: Hmm.. Rhafdan.

MAA: Dia ada call (menghubungi) abangkan?

MZH: Ada..ada..ada

MAA: Kiteorg (kami berdua) ingin membuat interview sikit.. Boleh bang (abang)?

MZH: Boleh..boleh..boleh..

MAA: Okay.. Aaa pertama sekali saya nak memperkenalkan diri saya dululah

MZH: Bolehh..

MAA: Nama saya Muhammad Arif bin Affindi dan ini sahabat saya Rhafdan bin Ismail.

MZH: Haa..ya..ya..yaa..

MAA: Kami nak (hendak) menemu ramah abang berkaitan subjek Oral History.

MZH: Hmm ok..

MAA: Okay untuk soalan pertama kami nak (hendak) tanya pasal pengenalan diri abang.

MZH: Nak semua ke umur semua?

MAA: Takpe-takpe (tidak mengapa) saya akan tanyalah soalan yang penting kat abanglah. Apakah nama penuh abang?

MZH: Nama penuh abang Muhammad Zamri bin Hasan.. Budak budak kampung biasa panggil Zam jer (sahaja). Dalam team pun sama panggil Zam jugak.

MAA: Umur abang sekarang berapa tahun?

MZH: Umur abang tiga puluh empat tahun (34).

MAA: Tarikh lahir abang?

MZH: Tarikh lahir abang tujuh april Sembilan belas lapan puluh satu (7.4.1981).

MAA: Aaa.. Abang lahir dimana yaa?

MZH: Abang lahir dekat (di) Hospital Besar Segamat kat sana tu.

MAA: Ooo.. okay okay (baik baik) orang Segamat la ni bang (abang).

MZH: Memang orang Segamat pun.

MAA: Okay okay (baik baik) adakah abang sudah berkahwin?

MZH: Aaah sudah..sudah..sudah.

MAA: Okay (baik) sudah berkahwin yaa bang (abang). Nama isteri abang tu (itu) apa?

MZH: Nama isteri abang Norlina bte Abd Rahman.

MAA: Abang sudah mempunyai cahayamata (anak) ke belom?

MZH: Ada..ada.. Tiga cahayamata. Perempuan semuanya.

MAA: Alhamdulillah.

MZH: Terima Kasih.

MAA: Saya nak tanya lagi mengenai latar belakang enciklah (En.Zamri a.k.a abang). Nama ayah abang siapa (apa)?

MZH: Nama ayah abang Haji Hasan bin Haji Hatan.

MAA: Okay (Baik). Nama ibu abang?

MZH: Nama ibu abang Hajah Rahmah bte Haji Idris.

MAA: Oohh.. abang ni anak yang ke berapa dalam adik beradik?

MZH: Abang anak ke tujuh (7) dari lapan (8) adik beradik.

MAA: Abang yang ke? (ulang soalan)

MZH: Abang yang ke tujuh (7) haa.

MAA: Abang ni (ini) memang keturunan melayu jawalah ni (ini)? Melayu betullah? (Soalan Tak relevan)

MZH: Yaa. Melayu betul.

MAA: Abang sekarang. Saya nak tanya perkerjaan abanglah? Abang memang fulltime (sepenuh masa) bermain bola sepak macam mana?

MZH: Yaa.ya.. abang memang main fulltime (sepenuh masa) main bola sepak.

MAA: Okay okay (Baik baik). Abang biasa main bola sepak di posisi yang mana?

MZH: Abang main di posisi penyerang kalau English diorang panggil “Striker” lah.

MAA: Ooo.. Abg dulu mendapat pendidikan dimana? Maksud saya sekolah abanglah dulu?

MZH: Sekolah abang pada awalnya abang sekolah di sekolah kebangsaan Tebing Tinggi di Segamat, darjah satu hingga darjah enam (Darjah 1-6). Lepas tu (itu) abang sekolah menengah kat (di) Jementah tingkatan satu hingga tingkatan tiga (Tingkatan 1 -3). Lepas tu (itu) abang tukar ke sekolah menengah Gemerih tingkatan empat hingga lima (Tingkatan 4-5).

MAA: Ooo.. Abang ni dah main bola sepak sejak kecil lagilah?

MZH: Yaa abang dah main bola sepak sejak lapan tahun (8 tahun).

MAA: Oo.. Lapan tahun abang da start (mula) menceburi bidang bola sepak ni (ini)?

MZH: Yaa..ya..

MAA: Okay (baik). Daripada umur lapan tahun (8tahun) ni (ini). abg memang dah mewakili sekolah atau macam mana (bagaimana)?

MZH: Abang dah mewakili sekolah pada umur lapan tahun (8tahun).

MAA: Oowh sehingga dah sekarang umur dah tiga puluh empat tahun (34tahun). Abang dah melangkah ke zaman profesional lah.

MZH: Haa dah zaman professional sekarang.

MAA: Okay (baik). Sebelum tu (itu) aa.. saya nak (hendak) tanya abang la mengenai bola sepak ni. Kita tanya soalan yang lebih mendalam lah.

MZH: Haa. Okay boleh boleh.

MAA: Aaa.. Abang aaa dah start (mula) melangkah ke alam profesional pada tahun bila tu (itu) bang (abang)?

MZH: Profesional yaa? Alam professional tu (itu) abang tak beberapa ingat. Pada masa tu abang main lepas abang berumur Sembilan belas tahun (19tahun) abang main untuk Johor. Untuk SUKMA (Sukan Malaysia) di Pulau Pinang pada tahun dua ribu (2000) seingat abang.

MAA: Ooo.. pada tahun dua ribu (2000) abang dah main untuk pasukan johor lah.

MZH: Haa dah main untuk pasukan johor.

MAA: SUKMA tu (itu) dah diperingkat sukma ke negeri ke macam mana bang (abang)?

MZH: SUKMA tu (itu) dah peringkat kebangsaan.

MAA: Oo. Kebangsaan okay (baik). Dan kemudian abang terus?

MZH: Abang terus main bola lagi mase tu (itu) abang dapat tawaran untuk main di piala presiden untuk Johor bawah dua puluh satu tahun (21tahun).

MAA: Ketika dua puluh satu tahun abang dah main untuk piala presiden Johor? (ulang soalan)

MZH: Yaa..yaa.

MAA: Ow.. Masa tu abang ada buat sumbangan tak untuk abang punya kelab la. Maksud saya abang main utk pada tahun dua ribu (2000) abg main untuk Johor betul?

MZH: Betul..betul..

MAA: Abang ada score (mata) berapa banyak jaringan abang lakukan? (soalan tak relevan)

MZH: untuk score (mata) abang pun tak berapa ingat laa..dah berapa lama dah tu.

MAA: Owhh yaa.. maaf maaf.

MZH: Dah lima belas tahun meninggalkan. Haa tapi seingat abang adalah sikit dalam lebih kurang dalam 15 atau 16. Alaa muda lagi mase tu.

MAA: Haa.. betul betul bang (abang). Ok so (jadi) pada tahun dua ribu satu (2001) tadi abang cakap kan. Abang main untuk piala presiden Johor betul. Okay (baik) kemudian macam mana abang dapat lebih mendekatkan diri dengan bidang bola sepak ini maksud saya dari segi profesionalisme ni?

MZH: Abang start (mula) untuk main lebih tinggi tahapnya pada tahun dua ribu tiga (2003) sebab masa tu abang dapat tawaran untuk main di Kuala Lumpur di liga perdana. Kuala Lumpur pun masa tu (itu) antara team (pasukan).. mungkin itu saja la kot (agaknya) team (pasukan) yang berminat untuk abang.

MAA: Owh di Kuala Lumpur pada tahun berapa tadi bang (abang)? Dua ribu berapa?

MZH: dua ribu tiga (2003).

MAA: Kira abang main dalam tempoh berapa lama untuk abang main untuk pasukan Kuala Lumpur tu (itu)?

MZH: Abang main di Kuala Lumpur lebih kurang empat tahun (4tahun) seingat abang.

MAA: Empat tahun (4tahun) dua ribu tiga (2003)

MZH: Empat tahun (4tahun) lebih kurang empat (4) musim.

MAA: Empat (4) musim macam tu.. owhh. So (jadi) abang main untuk Kuala Lumpur sekitar empat tahun (4tahun)

MZH: Yaa..yaa.

MAA: Untuk empat (4) musim la.

MZH: Yaa empat (4) musim.

MAA: Okay (Baik). Abang ada daripada sini apa yang abang belajar daripada.. haa macam....cemana nak cakap.. keyakinan diri abang untuk menceburi, macam betul ke aku ceburi bidang ni (ini) macam tu?

MZH: Bagi abang, sebab abang memang minat untuk main bola, so (jadi) itu sajalah abang rase bole pergilah. Haa sebab untuk pelajaran pun abang merangkak jugak lah orang kate. Haa..

MAA: Mungkin rezeki Abang kat bola sepak. Abang ketika bermain untuk Kuala Lumpur abang masih bermain dalam posisi yang sama striker (penyerang)?

MZH: Yaa masih sama. Tapi ada la sedikit perubahan sikit macam duduk kat (di) left (kiri) saja ke sayap kanan ke.

MAA: Sebelum tu (itu) saya nak tanya abang satu soalan ini lah. Abang kalau bermain bola sepak? Kaki utama yang digunakan ialah kanan atau kiri?

MZH: Abang boleh guna dua dua kaki tapi yang paling kuat rasanya belah kanan.

MAA: Belah kanan ehh.. owhh.. Dan kemudiannya abang telah bermain untuk Kuala Lumpur. Apa abang punya pengalaman manis abang terhadap pasukan Kuala Lumpur?

MZH: Pengalaman manis ehh..Abang pun nak kata manis, manis la jugak. Hmm mase tu abang pun hmm.. Jap (sebentar) ehh abang nak minum air jap (sebentar). Haus pulak. Naa bawak air sikit.

MAA: Saya minum dulu yaa bang (abang).

MZH: haa.. boleh boleh..

MAA: Dann jemput dann (rhafdan).

RI: ***

MAA: Dimana soalan kita tadi bang (abang)?

MZH: Okay tentang aaa.. kenangan manis abang eh.

MAA: Kenangan manis abang saya nak tahu mengenai bola sepak. Maksud saya abang main untuk aaa.. kelab tersebut lah. (ulangan soalan)

MZH: Pada tahun dua ribu lima (2005) abang haa maybe (mungkin) bukan.bukan..bukan..bukan abang sorang la sebab mase tu (itu) kami satu team (pasukan) bila satu team (pasukan) kami pergi ke.. Dapat pergi ke separuh akhir Piala FA pada masa tu. Haa kami antara satu satunya lah team (pasukan) yang liga perdana yang dapat pergi ke separuh akhir piala FA haa. Itu saja tapi kalah pada separuh akhirlah.

MAA: Oo kira abang main untuk Kuala Lumpur tu (itu) abang dah, abang dah Berjaya membawa team (pasukan) abang tu ke separuh akhirlah. (Ulang soalan)

MZH: Yaa.ya.ya... Terima kasih dann (rhafdan), terima kasih..

MAA: Minum bang (abang). Okay. Selepas abang main untuk. Haa.. boleh saya sambung bang (abang)?

MZH: Haa boleh boleh.

MAA: Minta maaf ya bang (abang). Selepas abang bermain untuk Kuala Lumpur abang pergi aa.. aa maksud saya abang main di kelab mana pula?

MZH: Haa lepas abang main untuk Kuala Lumpur abang dapat main lagi pada tahun 2008, abang dapat main untuk aa Proton FC.

MAA: Proton FC.. aa ok Proton Fc pada.. Haa Proton Fc pada mase tu sebuah kelab yang agak besar jugak mase tu betol bang (abang).

MZH: Nak kata besar memang besar pun.tapi tak sehebat macam team (Pasukan) Kuala Lumpur tidak memerlukan khidmat abang lagi. So (jadi) abang perlu cari untuk aa team (pasukan) lain. So (jadi) uma Proton FC je (sahaja) berminat untuk khidmat abang.

MAA: Abang main dekat (di) Proton FC aaa macam. Saya nak tanya pengalaman abang mengenai atau ulasan abang sejak main di kelab itu?

MZH: Mase tu (itu) abang bermain untuk Proton FC, pada mase tu (itu) aa Proton FC pun boleh la dikatakan hebat jugak. Sebab haa disebabkan aaa daripada team (pasukan) Proton FC tu abang dapat mewakili untuk perlis di Liga Super pada musim seterusnya. Aaa dan pada tahun dua ibu lapan (2008) abang haa dapat dianugerahkan sebagai penyerang one hundred plus (100plus) kebangsaan pada tahun dua ribu lapan hingga dua ribu sepuluh (2008 - 2010).

MAA: Dua ribu lapan hingga dua ribu sepuluh penyerang?

MZH: Penyerang one hundred plus (100plus) kebangsaan.

MAA: Kira abang cukup disegani mase zaman muda abang dulu?

MZH: Tak jugak itu semua dalam surat kabar saja. Abang pun biasa saja. Haa

MAA: Berapa jaringan, haa boleh saya tahu berapa jaringan abang ketika main untuk Proton FC?

Haa untuk Proton FC abang pun da (sudah) tak berapa ingat. Tapi lebih kurang..

MAA: Anggaran Abang.

MZH: Anggaran abang ehh.. abang biasanya setiap musim abang akan menjaringkan gol dalam lingkungan lima belas hingga dua puluh (15-20) gol sahaja, aa tapi cuma satu sajalah pada waktu abang mewakili Perlis tu abang dapat memecahkan rekod diri abang dengan menjaringkan gol sebanyak dua puluh lima (25) gol.

MAA: Dua puluh lima (25) gol. Oww abang memang seorang, orang cakap top striker (penyerang) saya boleh katakan dari ape yang saya dengar dari abang sendiri.

MZH: Haha. Terima kasih.. terima kasih..

MAA: Okay (baik) bagaimana pula dengan aa..*** coach yang mengajar abang di Proton FC. Maksud saya apa yang dia beri?

MZH: Dari Proton FC pada masa tu aa.. couch dia kami panggil En.Hadi. Coach Hadilah yang mengajar kami untuk bermain dengan lebih baik daripada sebelumnya aa bagaimana untuk menjadi striker (penyerang) dan bagaimana untuk menjaringkan gol bagaimana jugak untuk mlarikan diri daripada defender (pertahanan pertahanan) yang berbadan besar untuk menjadi natural striker (penyerang). Haa

MAA: Saya pun tahu serba sedikit la mengenai bola sepak ni..

MZH: Minat bola?

MAA: Minat bang (abang).. hehehe

MAA: Abang minat kelab apa untuk EPL (English Primier League)?

MZH: Abang ape lagi Manchester United laa..

MAA: Owhh MU (Manchester United). Mintak maaf la bang (abang) saya minat Chelsea.

MZH: Owhh..musuh la ni.

MAA: Takde la bang (abang). Hahaha

MZH: Haha..Gurau gurau saja.

MAA: Aaa. Okay saya nak tanya abang untuk aa selepas abang main untuk Proton FC, Proton FC ketika itu berada di liga mana. Liga FM atau liga perdana atau liga super ke?

MZH: Pada masa tu (itu) Proton FC masih lagi berada di liga perdana kerana Proton FC tu (itu) team (pasukan) yang baru..baru nak naik daripada liga bawahnya, liga bawahnya adalah liga FAM. Aa lepas tu (itu) aa selepas mereka menang menjadi juara untuk liga FAM. Aa mereka perlukan khidmat abang kerana kekurangan striker (penyerang). Mereka kata. So (jadi) dari situlah abang mencatat nama untuk mewakili Proton FC.

MAA: Jadi memang daripada Proton FC ni abang memang belajar sesuatu yang sangat penting dalam hidup abang.

MZH: Yaa..ya sungguh berharga.

MAA: Okay (baik) selepas abang bermain untuk Proton FC, ke kelab mana lagi abang berhijrah?

MZH: Oo lepas Proton FC tu (itu) abang pergi ke Perlis pada tahun dua ribu Sembilan (2009) Selepas satu musim di Proton FC..Aaa..Perlis perlukan kidmat abang. Kerana abang ... kerana abang hmmm..aaa.. cermelang dalam team (pasukan) Proton FC mase tu (itu). So (jadi) dari situlah abang pergi pertama kali abang menjakkan kaki.. di liga Super.

MAA: Di liga super kelab perak? [terlupa kelab]

MZH: Kelab perlis..

MAA: Kelab perlis.. Mintak maaf.. Perlis..

MZH: Haa..

MAA: Kira abang baru first time (kali pertama) menjelaskan kaki ke alam baru iaitu Liga Super ketika itu bang (abang)? [mengulang jawapan En. Zamri]

MZH: Aaa kami pernah lawan dengan team (pasukan) yang daripada Liga Super tapi ini kali pertama abang mewakili untuk Liga Super..

MAA: Jadi ape perasaan abang setelah abang pergi bermain untuk Liga Super.

MZH: Semula soalan dia?

MAA: Kira Apa yang abang belajar atau macam mana perasaan abang ketika abang dapat bermain ke Liga Super?

MZH: Perasaan abang? Biasa la dapat bermain dengan team baru dan kita melangkah lagi tinggi peringkatnya. Rase gembira lahh. Sungguh gembira dan sangat bersyukur aa sebab dari situ abang dapat. Yela lagi tinggi kita pergi, lagi tinggi gaji kita kan haaa. So (jadi), dari situ jugak abang dapat menampung keluarga abang.

MAA: Ketika itu abang sudah berkahwin atau belum?

MZH: Belum lagi..

MAA: Belum lagi..owhh masih bujang lagi la.

MZH: tapi lepas tu abang dah kawen da..

MAA: Okay (baik) aa..mengenai aa sekuad Pelis abang. Okay (baik) ketika abang bermain untuk Perlis apa peranan yang abang mainkan. Contohnya abang..maksud saya abang adakah abang dapat memegang jawatan sebagai kapten di kelab tersebut atau macam mana?

MZH: Aaa..pada masa tu (itu) .tak.. pemain barukan lagi pun abang muda lagi.So (jadi) aa lebih baik pemain yang lain lah. Pemain lain yang memegang jawatan kapten tu. Lebih pengalaman dari abang. Abang masih muda masa tu.

MAA: Banyak pemain senior memberi tunjuk ajar abang?

MZH: Haa ramai ramai..Contohnya macam aa. Sape ahhh tak ingat pulak nama dia orang tu pown dah takde dah..

MAA: Maaf maaf, Haa saya nak tanye mengenai Liga Super yang abang main. Apakah yang abang dapat belajar setelah bermain dalam Liga Super?

MZH: Banyak yang abang belajar.

MAA: Dari segi teknikal?

MZH: Dari segi teknikal aaa.. abang lebih aa pada Liga Super tu (itu) pemain dia lebih hebat dan dia punya corak permainan dia pun agak berbeza. Aa lagi pun abang sebagai striker (penyerang) abang memikul tanggungjawab yang besar. Kerana abang perlu menjaringkan gol untuk team (pasukan). So (jadi) dari situ jugak abang..hmm camne nak ckap ahh.. rase stress pun ada. Haa stress sebab ialah. Beban yang dipikul dan pada masa tu jugak aaa sokongan daripada teammate (pasukan sendiri), keluarga. Haa dari situ jugak abang dapat survive (bertahan) dekat Perlis.

MAA: Itulah yang membuat abang lebih matang bergerak ke hadapan?

MZH: Haa.lebih matang..

MAA: Okay (baik) saya nak tanya mengenai aa cabaran dari segi fizikal di Liga Super ialah abangkan orang baru, so (jadi) macam mana dengan fizikal orang yang bermain di Liga Super. Mungkin abang berhadapan dengan pemain import.

MZH: Pada masa tu mana ada pemain import lagi, dulu pada tahun dua ribu tiga hingga tahun.. haa tahun dua ribu tujuh. (2003-2007) lepas tu (itu) FAM dah diorang kata banned (melarang) haa. Diorang dah taknak membawa pemain import untuk aa ape untuk pemain pemain Malaysia bergerak kehadapan untuk mewakili kebangsaan sebab pada mase tu (itu) pemain pemain Malaysia tak berapa , mereka kata macam mana ahh.. aa tak dikenali satu tak lebih hebat haa sebab dibayangi oleh pemain import so (jadi) setiap team (pasukan) akan membariskan pemain utama mereka semua pemain import. Haa. So (jadi) aa pemain macam pemain Malaysia yang betul betul datang daripada tanah air kita tak dapat untuk mewakili team(pasukan) itu. Haa

MAA: So (jadi) abang , apabila abang berhadapan dengan apa pandangan abang mengenai pemain pemain tempatan kita, maksudnya dari segi cabaran fizikal adakah abang telah or pernah menerima tackle tackle yang keras daripada..

MZH: Ooo itu dah biasa aa, sebab ialah Malaysiakan kalau tak dapat bola dapat kaki haa.. hahaha. So (jadi) bila dah dapat kaki tu paham paham jelah abang punya golek macam mana.. haa

MAA: Adakah abang pernah menerima kad merah ketika perlawanan dalam Pasukan Perlis ?

MZH: Oowh kad merah tak pernah seingat abang.. tak pernah lagi. Pada baru baru ni jelah. Haa sebab abang.. yelah makin tua makin stress dengan keluarga lagi. Haa so (jadi) terbawa bawa emosinya.

MAA: Okay (baik) ketika berada di Perlis aaa skuad Perlis apakah sumbangan yang abang dah bagi kepada kelab?

MZH: Sumbangan pada Perlis, Pada Perlis seingat abang, mase tu abang masih dapat anugerah penyerang one hundred plus kebangsaan (100plus) pada tahun dua ribu Sembilan (2009).. haa pada tahun dua ribu lapan hingga dua ribu sepuluh (2008-2010) tiga tahun abang memegang aa bukan memegeng ha dianugerahkan sebagai one hundred plus (100plus) kebangsaan dan pada masa tu jugak pada tahun dua ribu Sembilan (2009) aa team (pasukan) Perlis menjadi juara Liga Super haa dan jugak sampai keperingkat separuh akhir piala FA dan piala Malaysia. Haa sumbangannya abang ni tak berapa hebat sangat tapi boleh laa orang kate menjaringkan gol sebanyak 25.

MAA: Berdasarkan apa yang saya dengar dari abang, Abang mendapat anugerah tiga tahun berturut turut sebagai penyerang hundred plus aa adakah abang ini menjadi penyuntik semangat untuk abang lebih mara kehadapan?

MZH: Yaa yaa. Aa sebab aa dianugerahkan sebagai penyerang hundredplus kebangsaankan so (jadi) orang dapat aa lihat kehebatan abang bukan kehebatan lebih kurang corak permainan abang la. Mungkin disebabkan team (pasukan) abang aa diri abang dan coach abang dia telah memberi semangat haa corak pemainan mereka juga agak baik.

MAA: Apa sumbangan abang ketika, maksud saya sumbangan yang kelab bagi pada abang, maksud saya adakah dia jaga daripada segi kebijakan abang aa gaji aa?

MZH: Gaji aa, pasal gaji tak pernah ada masalah.

MAA: Adakah abang menerima aa gaji yang besar ketika bermain untuk Perlis?

MZH: Hmm nak kata besar tak besar macam sekarang lah , sekarang tengoklah macam Idlan Talaha haa gaji dia pun da tiga puluh ribu (30000) satu bulan, abang ni berapa jer lima ribu jer mase tu pun gaji pemain kita bukan tinggi pun.

MAA: Lima ribu tu (itu) pun kalau zaman dulu boleh dikatakan besar jugak tu, banyak la jugak.

MZH: haa banyak la jugak, abang dapat beli rumah beli kereta, jauh jugak abang berjalan.

Hmm

MAA: Hmm jauh jugak abang merantau dari Kuala Lumpur hingga ke perlis.

MZH: Haa jauh jugak tu.. makin ke utara abang dari selatan pergi ke utara. Haa.. haha

MAA: Betul bang (abang). Apa mengenai individual skill yang abang belajar di Liga Super.

MZH: Individual skill?

MAA: Haa yaa..

MZH: Contohnya?

MAA: Contohnya maksud saya adakah coach telah mengajar ataupun abang sendiri yang belajar skill skill yang daripada pemain diorang yang agak berkaliber so (jadi) adakah abang belajar dari sesuatu daripada pihak lawan daripada kelab?

MZH: Individual skill biasalah, bagaimana nak mengacah pemain, bagaimana nak mengasak, bagaimana nak control ball (mengawal bola) haa bagaimana nak sepak mencari gol macam mana aa biasa macam tu la benda besic (asas), acah acah elak elak haa.. setiap hari kami akan training kan.

MAA: So (jadi) daripada Perlis haa daripada skuad Perlis ni adakah skuad Perlis mara ke pertandingan pertandingan yang lebih besar?

MZH: Skuad Perlis? Pertandingan yang lebih besar?

MAA: Maksud saya adakah Perlis memperolehi aa tempat pertama tempat kedua untuk separuh akhir.. haa?

MZH: Haa pada masa tu daripada Liga Superkn so (jadi) abang telah mewakili aa ape aa pasukan Perlis aaa dia dapat pergi ke peringkat yang lebih tinggi lah tahu kejuaraan AFC (asian football cup) tu? Pada masa tu memang susah lah.. haa dia lebih kompetitif .

MAA: AFC (Asian Football Cup) tu bukan ke, maksudnya bukan dengan keab kelab asia di luar negara?

MZH: Haa yaya.

MAA: Adakah Abang dah main di peringkat situ?

MZH: haa dah dah..

MAA: Haa Okay (baik) dari pada peringkat situ ape peranan aa yang abang mainkan untuk kelab laa, maksud saya adakah abang memberi semangat kepada kelab untuk pasukan ketika berlawan dengan pasukan luar negara ni tak kurang hebatnya. Betul?

MZH: Haa betul betul.. Mereka memang tak boleh sangkal lah.. team team (pasukan) tu memang kuat aa tapi kami cuba, kami cuba untuk mengatasi kegemuruan. Haa sebab team besarkan. Team (pasukan) pertama kami lawan team (pasukan) UAE (United Arab Emirate) .. haa tengok pemain diorang pun besar jugak. Haa fizikal diorang memang besar la , memang laju diorang. Haa tak sempat abang nak kejar diorang. Haa hahaha..

MAA: Tapi ketika bermain untuk AFC

(Asian Football Cup) abang dah bawak ke peringkat mana yang tinggi maksud saya adakah abang mara ke peringkat seterusnya?

MZH: Haa tak sampai situ Cuma peringkat kumpulan sahaja, itu pun kami dapat numbor last (akhir).

MAA: Apakah cabaran yang abang hadapi ketika bermain dengan AFC (Asian Football Cup)?

MZH: Cabarannya ialah dari segi fizikal je lah. Haa abang ni keding je.

MAA: Dari segi mental bang (abang) ?

MZH: Mental? Diorang kata mental koyak. Tahu tak mentak koyak? Haa yela bila kita kalah dengan lima kosong (5-0) macam mana mental koyak, abang dapat yellow card (kad kuning) mase tu. Sebab abg tackle agak keras mase tu. Haa.

MAA: Okay (baik) Selepas abang main untuk kelab Perlis ke kelab mana lagi abang aa abang berhijrah?

MZH: Haa lepas Perlis, pada tahun dua ribu sepuluh (2010) abang mewakili untuk PKNS, dua ribu sepuluh hingga dua ribu sebelas (2010-2011). Dua musim.

MAA: Dua musim abang main untuk PKNS?

MZH: Haa.. betul betul..

MAA: PKNS adalah sebuah kelab yang agak terkenal ketika itu?

MZH: Haa ya, terkenal la jugak sebab ia mewakili Kuala Selangor, dari pada utara turun selatan balik. Hahaha. So (jadi) PKNS tu (itu) team (pasukan) dia memang hebat la pada masa tu jugak abang disenarai pendek sebagai aaa penyerang yang terbaik pada musim dua ribu sepuluh (2010) menjadi penjaring terbanyak di Liga Perdana dana bang di anugerahkan Kasut emas.

MAA: Owhh abang mendapat kasut emas ketika main di PKNS?

MZH: yaa yaa..

MAA: Pada tahun dua ribu sepuluh (2010) betul bang (abang)? Okay (baik) so (jadi) abang memang agak disegani orang kata semakin lama semakin berisi betul bang?

MZH: Haa... haha.. tapi tengok abang pun tak berisi jugak. Hahaha..

MAA: Berisi dari segi mungkin skill yang abang pamerkan, kehebatan kelajuan abang dalam mencari ruang?

MZH: Betul betul.. Sebagai striker (penyerang) memang perlu mencari ruang sebab ialah pemain pemian defender dari pihak lawan pun pandai menjaga abang tapi abang dapat mengatasi mereka haa dengan mencari ruang yang lebih baik. Haa.

MAA: Okay (baik). Adakah abang rasa PKNS tu satu kelab yang abang ingin duduk lama ketika main di PKNS?

MZH: Abang harap begitulah tapi pada dua ribu sebelas (2011) abang terpaksa. Habis musim dua ribu sebelas (2011) PKNS tidak mahu memperbaharui kontrak abang so (jadi) abang perlu cari team (pasukan) lain untuk menggunakan khidmat abang. Haa tapi pada tahun dua ribu sebelas PKNS adalah juara Liga Perdana aa dan abang antara penjaring top five (5 terbaik) diorang kata haa top five (5 terbaik). Haa

MAA: Adakah abang pernah menerima injured (cedera) yang lama semasa bermain di PKNS?

MZH: Hmm pernah sekali, itu pun sebab abang kene ACL.

MAA: Owhh ketika abang bermain di PKNS abang terkene ACL?

MZH: haa..

MAA: Adakah sakit ACL tu sakit mengenai?

MZH: lutut.. haa lama jugak la abang berehat lebih kurang lapan (8) bulan. Tapia bang still (masih) top five (5 terbaik) hmm.

MAA: Ketika abang main bersama PKNS, ketika itu ada tak player player (pemain pemain) import yang bermain bersama abang?

MZH: Dua ribu sepuluh seingat abang takde lagi, dua ribu dua belas (2012) baru ada. Pada masa tu yang orang kata Pablo Aima main untuk JDT (johor darul takzim)..haa itulah startnya (bermulanya) pemain import dibenarkan untuk bermain. Haa

MAA: Semasa bermain di PKNS abang telah melakukan banyak sumbangan pada kelablah betul?

MZH: Haa.. Alhamdulillah banyak la jugak, contohnya macam menjadi assist (sokongan) memberi peluang kepada teammate (pasukan sendiri) menjaringkan gol dan itu saja la kowt (agaknya).

MAA: Haa bagaimana pula dengan coach yang berada di PKNS adakah abang rasa beliau merupakan coach yang berdedikasi dalam menjaga seorang pemain seperti abang?

MZH: Hmm dia sungguh berdedikasi.sungguh bersemangt tapi tulah mungkin diorang dah (sudah) taknak guna khidmat abang itu masih terluka dihati. Hahaha

MAA: Mungkin ada masalah?

MZH: Mungkin juga lah..Mungkin mereka dapat pemain yang lebih baik daripada abang.

MAA: Apa perasaan abang apabila abang dapat tahu kelab tidak ingin menyambung khidmat kontrak abang

MZH: Hmm abang agak sedih jugak lah. Tapi ape boleh buat dah rezeki aku ditempat lain haa. So (jadi) kene terima jelah.

MAA: Abang kira dah mendapat gaji yang agak besar di PKNS?

MZH: Haa abang dapat gaji terbesar, mereka kata abang dapat gaji kelima tertinggi pemain yang aa didalam pasukan PKNS. Lebih kurang lapan ribu (8000) masa tu (itu) sebulan.

MAA: So (jadi) gaji untuk lapan ribu ringgit tu memang agak besar pada tahun dua ribu sepuluh (2010) jadi adakah abang rasa gaji tu (itu) sudah cukup untuk abang atau abang perlu lebih tinggi sebab abang lebih demand (permintaan) kepada kelab agar kelab membayar lebih kepada abang?

MZH: Takde, lapan ribu (8000) tu (itu) dah cukup bagi abang. Sebab lapan ribu (8000) mase tu (itu) dah agak besar dah macam gaji engineer (kejuruteraan). Haa macam awak ni Arif kalau dah habis degree dapat lebih kurang berapa untuk kos awak?

MAA: Saya rase lebih kurang dua ribu tiga ribu (2000/3000) mungkin bang (abang).

MZH: Kalau macam Rhafdan ni?

RI: Lebih kurang je kowt (agaknya).

MZH: Lebih kurang ehh.. owhh takpe laa.

RI: Kos sama.

MZH: Owhh..

MAA: Di PKNS ada tak bang (abang) menghadapi kesulitan apabila berhadapan dengan pihak pengurusan, maksud saya dari segi gaji mungkin ada bayaran yang tidak dilunaskan?

MZH: Ada la sekali pada tahun dua ribu sepuluh (2010) awal awalnya lah sebab pada masa tu PKNS ada masalah orang kata masalah kewangan dah pernah keluar kat surat khabarkan. Haa pada tahun dua ribu sepuluh (2010) PKNS aa tidak dapat membayar gaji pemain pemain dengan penuh, dalam lapan ribu (8000) tu abang cuma dapat dua ribu (2000) sahaja la. So (jadi) agak protes la masa tu.

MAA: Adakah abang belajar sesuatu yang baru di PKNS, yang abang Nampak tapi di kelab tu abang boleh belajar sesuatu yang tiada di kelab lain?

MZH: Setiap pasukan lain corak permainan dia. So (jadi) setiap pasukan abang pergi semuanya abang akan belajar dengan pengalaman yang baru. Jap (sebentar) ehh abang nak gie toilet (tandas) jap (sebentar). Kita pause kejap boleh?

MAA: boleh boleh bang (abang).

MAA: Okay bang! Sekarang ni (ini) kita sambung balik tadi pon abang pergi tandaskan, okay. Sekarang ni (ini) kita mengenai PKNS FC. Saya nak tahu apa rahsia abang yang membolehkan abang dapat kasut emas pada tahun 2010?

MZH: Rahsia ye?

MAA: Adakah abang mendapat bonus atau gaji yang lebih atau abang mendapat special training daripada jurulatih?

MZH: Special (istimewa) training(latihan) ye?

MAA: Ye saya.

MZH: Biasanya lebih kepada mentaliti dan usia sebenarnya. Bila kita nak gol tu, kita bukan bergantung, bukannya bergantung sepenuhnya kepada training(latihan) kita tapi sebenarnya dia lebih kepada nasib, haa tapi adalah juga training(latihan) dia macam shooting(merembut) macam mana, kalau shooting(merembut) melewah juga tak guna juga. Haa. Biasanya kita akan berlatih training (latihan) lebih kurang macam agility (kecerdasan), strength (kekuatan), haa strength (kekuatan) tu lebih kurang macam angkat berat semua, haa. Haa yelah weight (berat) management (pengurusan) pula. Haa weight (berat) training (latihan) la orang kata. Kalau agility (kecerdasan) lebih kepada speed (kelajuan) training (latihan). Speed (kelajuan) training (latihan) lebih kepada macam mana kita nak lari, how (bagaimana) kita nak start (mula) lari and then(kemudian) stamina. Haa

kita jaga stamina kita macam mana masa lari tu (itu). Haa itu sajalah untuk striker (penyerang). Kalau untuk defender (pertahanan) lain, defender (pertahanan) lebih kurang macam, yelah dia lebih fokus kan dekat tackling(bentes) haa how to control ball(macam mana nak kawal bola)? macam mana nak haa heading(tanduk)? Macam mana nak control (kawal) dia punya stamina kalau untuk wing (sayap) backs (belakang)? haa kalau untuk center(tengah) pon lebih kurang macam tu.

MAA: Oh adakah abang training-training (latihan) lain yang maksud saya mungkin abang training (latihan) sendiri atau abang training (latihan) dengan coach (jurulatih) personal (personal) panggil abang untuk dapatkan training (latihan) ini supaya abang menjadi lebih perform (berhasil)?

MZH: Untuk special (istimewa) training (latihan), biasanya special (istimewa) training (latihan), faham-faham sajalah kita sudah kahwinkan, dia ada special (istimewa) training (latihan) dia dengan family (keluarga) dia macam mana haa untuk mentaliti semua Kalau untuk coach(jurulatih) pula lain. Coach(jurulatih) training(latihan) dia yelah pemain pengalamankan, pemain pengalaman dia punya training(latihan) haa yelah macam mana nak positionkan(tempatkan) diri kita dalam kotak macam mana haa bila corner kick(sepakan penjuru) macam mana free kick(sepakan percuma) macam mana. Kalau free kick (sepakan percuma) saya biasanya ambil.

MAA: Apa pendapat abang mengenai coach (jurulatih) abang, maksud saya dari segi taktikal dan cara penyampaian haa dari segi formasi, taktikal ketika perlawanan?

MZH: Kalau bab-bab macam tu(itu) biasanya haa kalau ikut manager(pengurus) haa ikut manager(pengurus) pulak, Coachkan(jurulatih), coach(jurulatih) biasanya dia akan buat pertukaran formation(formasi) haa sewaktu dalam game(permainan). Haa apabila kita menang macam mana? Bila kita tengah mendahului haa dia punya taktikal lebih daripada corak defending (bertahan). Haa defending (pertahanan) turun ke bawah tak boleh lebih kepada tengah. Haa kalau kita tengah kalah pulak ia depends (terpulang) pada team (pasukan) tu jugak la. Haa kalau kita tengah kalah, macam kalau kita tengah ketinggalan 2-0 haa bergantung juga lah corak permainan team (pasukan) lain. Kalau team(pasukan)

lain main attacking(menyerang) lawannya adalah counter attacking(serang balas) haa macam tulah(itulah) lebih kurang.

MAA: Adakah setiap perlawanan akan gunakan formasi yang berlainan?

MZH: Haa setiap perlawanan memang menggunakan formasi yang berlainan sebab setiap team (pasukan) lawan tak semestinya team (pasukan) yang sama. So (jadi) setiap perlawanan perlu tukar dia punya formation (formasi) taktikal. Macam mana main close call (rapat) close down (rapat bawah) pressing (tekan). Haa passing (hantaran) method (cara) macam mana adakah short (pendek) atau pon long (panjang).

MAA: Jadi daripada segi penyampaian coach(jurulatih) membuatkan sesebuah team itu mara ke hadapan. Adakah abang setuju dengan apa yang saya cakap ini?

MZH: Apa soalan tadi?

MAA: Adakah coach (jurulatih) memainkan peranan yang penting dari segi penyampaian taktikal formation (formasi) untuk sesebuah team (pasukan) mara kehadapan? Adakah abang setuju dengan apa yang saya cakap ini?

MZH: Bagi saya, saya setujulah sebab coach (jurulatih) memberitahu segalanya sebab mereka lebih berpengalaman tentang ini. Haa kadang-kadang bila pertukaran formasi, pertukaran formasi kita orang ada. Haa macam mana nak cakap? Kita ada kita punya body language (gerak badan). Haa kalau contohnya letak dekat pipi macam mana? Apakah formation (formasi) itu? Atau pon dengan ludah? Ha tu pon kita ada cara dia. Ha itu lebih kurang macam secret (rahsia) formation (formasi) la.

MAA: Secret (rahsia) code (kod) untuk mengubah taktikal?

MZH: Haa yeye(ya).

MAA: Pernahkah abang bermain di PKNS, abang di keluarkan ketika perlawanan? Maksud saya ditukarkan kerana pada perlawanan tersebut abang kurang menyerlah?

MZH: Oh macam tu, pernah la juga sebab masa tu abang kurang dari segi haa penat atau pon kurang mentality (cergas), tak menyerlah, macam tulah(itulah).

MAA: Kira ha dari segi mental dan fizikal juga kita nak perlu jaga apabila bermain bola sepak ini bang?

MZH: Ha ye ye (ya) kalau untuk fizikal yelah kita perlu jaga kita punya stamina sebab kita main 90 minit penuh, so (jadi) stamina itu adalah yang paling penting dan kalau untuk fizikaln amacam body contact (sentuhan badan) tu itu, itu juga mempengaruhi stamina kita bila kita kena tolak, kita aka noda juga apa orang kata haa pengurangan stamina....

MAA: Pengurangan stamina??

MZH: Haa ye

MAA: Bercakap mengenai pergurangan stamina bang, apabila seorang pemain bola sepak menjadi seorang pemain bola sepak yang professional, dia tak boleh merokok, tak boleh minum sejuk. Betul ke?

MZH: Haa betul la. Untuk air sejuk, air sejuk ni (ini) mempengaruhi kita punya lutut sebab ianya akan melemah lutut kita macam makan aiskrim, ianya akan melemahkan lutut kita sebab ianya ada macam doktor kata, dia boleh melemahkan muscle (otot) dekat pencantuman pada lutut antara kepala lutut dengan tulang yang bersambung dengan kaki kita. Itu antara faktor-faktornya. Kalau merokok ia akan mengurangkan stamina kita. Cepat penat semput, tapi lain la kalau orang yang nafas nagakan.

MAA: Adakah abang merupakan seorang perokok?

MZH: Haa tak pernah!

MAA: Abang bukan sorang perokok la?

MZH: Ha bukan-bukan! Yelah lagi pon dah berkeluarga kan takkan lah nak hisap rokok main bola pon. Haa lagi satu untuk perokok kalau dalam pasukan kita akan dikenakan denda. Benda itu memang akan selalu digunakan contohnya macam ada kawan saya dia merokok ketika training (latihan) dia di kenakan denda rm500 sekali dua kali akan di denda sebanyak rm1000.

MAA: Adakah abang rasa hukuman yang dikenakan setimpal dengan apa yang telah dilakukan?

MZH: Bagi abang ianya agak setimpal lah sebab ha yelah orang pon perlu menggunakan duit kan denda kan. So (jadi) bagus lah dia buat macam tu (itu) supaya dapat membendung ha pemain-pemain lain daripada merokok.

MAA: Adakah sahabat, rakan sepasukan abang yang perokok tegar?

MZH: Setakat ini tiada sebab kami pon da berhenti sebab dulu adalah macam contohnya time (masa) sekolah. Ha time (masa) tu ada pemain-pemain yang daripada sekolah itu sebab dorang muda lagikan nafas naga dorang kata nafas kudalah. Macam mana dorang hisap rokok pon tapi dorang still (masih) bermain bola.

MAA: Macam mana seorang pemain bola sepak hendak berhenti tabiat merokok?

MZH: Nak berhenti tabiat berhenti rokok biasanya. Okay kalau setakat yang baru ini dorang memperkenalkan vapor (rokok elektronik) la. Vapor (rokok elektronik) orang kata apa yang hisap air tu (itu).

MAA: Rokok elektronik ye?

MZH: Haa ye ye (ya) rokok elektronik. Bagi abang bagus jugak sebab dia boleh membendung manusia daripada hisap rokok yang lagi banyak nikotin. Haa baguslah tu (itu). Satu lagi macam haa sokongan family (keluarga) atau pon diri sendirilah.

MAA: Adakah abang rasa PKNS FC ni (ini) sebuah kelab yang gah berbanding kelab-kelab lain yang pernah abang sertai?

MZH: PKNS kalau ikut sekarang memang kelab ni (ini) antara yang gah dan daripada sejak 2011 dia still (masih) lagi berada di liga super sampai sekarang. Maksudnya mereka dapat mengekalkan prestasi mereka dengan konsisten dan mereka juga antara kelab yang hebatlah.

MAA: Oh jadi daripada PKNS FC ni (ini) banyak membantu pemain bola sepak tempatan untuk membina skill-skill (teknik) yang atau pon taktikal-taktikal yang baru diterapkan kepada pemain masa kini. Betul tak bang?

MZH: Bagi abang PKNS antara kelab yang masih baru lagi haa berbanding kelab-kelab yang macam contohnya Perlis, Sarawak eh Sarawak pula. Ha macam Perak itu antara kelab-kelab yang telah lama bertapak di dalam liga tempatan Malaysia selama berpuluhan-puluhan tahun, abang pon tak berapa ingat.

MAA: Okay bang selepas abang menyertai PKNS pada tahun 2010 betul bang?

MZH: 2011!

MAA: 2011 selepas PKNS taknak memperbaharui kontrak abang, abang berhijrah ke kelab yang mana satu?

MZH: Pada tahun 2012 abang dapat tawaran untuk bermain Sime Darby Fc dan masa tu (itu) jugak Sime Darby dapat menjadi finalis untuk piala FA menentang dengan Kelantan masa tu (itu). Ha tapi apa boleh buat kalahkan. Kekalahan tu pon nak kata agak memalukan lebih kuranglah sebab kami kalah 4-2.

MAA: Adakah abang berjersi nombor berapa ketika dalam pasukan Sime Darby?

MZH: Abang memakai jersi nombor 11, tapi biasanya nombor 11 tu (itu) macam untuk pemain-pemain winger (sayap), center (tengah) tapi agak pelik jugalah striker (penyerang) memakai nombor 11 sebab nombor 11 tu adalah dorang kata nombor legend (lagenda) la.

MAA: Adakah nombor 11 tu merupakan nombor kegemaran abang ketika menyarung jersi?

MZH: Tak semestinya! Sebenarnya abang lebih berminat memakai nombor 10 sebab nombor 10 yelah macam haa yelah dalam satu team tu ada 11 orang so (jadi) setiap pemain ada nombor-nombornya. Contohnya pemain nombor 1 adalah keeper(penjaga gol), nombor 2 adalah right bek (pertahanan kanan), center bek (pertahanan tengah) adalah pemain nombor 4, no 3 adalah left bek (pertahanan kiri), nombor tengah adalah nombor 8 eh no 8 haa sebelah kanan dan kiri adalah nombor 11 dan 7, nombor depan adalah nombor 10 dengan 9. Itu adalah nombor-nombor yang agak dorang kata yang nombor utama lah.

MAA: Haa okay daripada Sime Darby ni (ini) apa sumbangan yang abang maksud saya sejauh mana kelab tersebut pergi sejak kehadiran abang?

MZH: Sejak kehadiran abang? Haa sekarang ni (ini) kalau pada tahun 2012 abang just (Cuma) mewakili Sime Darby untuk finalis piala FA saja. Ha tu sajalah pencapaian abang masa berada di Sime Darby. Tapi kalau ikut sekarang Sime Darby antara team (pasukan) yang berada di liga atasan iaitu liga super.

MAA: Apa pendapat abang mengenai Sime Darby pada masa sekarang ni (ini)?

MZH: Bagi abang Sime Darby sekarang ni (ini) dia ha sekarang dia sebab ada kuota untuk pemain import yang boleh didapatkan seramai 4 orang. So (jadi) pemain-pemain Sime Darby yang diimport ni (ini) antara pemain-pemain yang ada pengalaman di dalam liga super. Contohnya macam haa siapa namanya abang pon dah tak berapa ingat pula.

MAA: Jadi daripada Sime Darby ni (ini) abang hanya pergi final (akhir) piala FA saja?

MZH: Haa piala FA saja!

MAA: Haa boleh saya tahu Sime Darby ketika zaman abang bermain di liga apa?

MZH: Haa Sime Darby berada di liga perdana, dia tak naik lagi time (masa) tu sebab masa tu (itu) pon pemain-pemain Sime Darby pon boleh dikatakan hebat juga, Cuma mungkin ada kurang nasiblah.

MAA: Ketika di Sime Darby, adakah merasakan yang prestasi abang merosot?

MZH: Bagi abang yelah pasal sekarang pon pada tahun itu 2012 umur abang dah 31 tahun so (jadi) makin tua makin lambatlah orang kata dah takda pace (kelincahan), takde flare (semangat) disebabkan itu jugak abang punya prestasi makin menurun lah.

MAA: Okay mengenai pace (kelincahan) dan flare (semangat) okay apa yang maksudkan pace (kelincahan) dan flare (semangat) itu?

MZH: Okay kalau macam pace (kelincahan) tu (itu) haa dia lebih kepada kelincahan seseorang bermain contohnya macam setiap winger (sayap) atau pon striker (penyerang) dia ada pace (kelincahan) mereka. Contohnya macam winger (sayap) dia punya pace (kelincahan) adalah untuk mengacau pemain dan menyerang daripada sayap mereka. Haa yelah left bek (pertahanan kiri) right bek (pertahanan kanan) pon ada pemain yang pace (kelincahan) yang tinggi kalau pace (kelincahan) winger (sayap) ni (ini) lebih kepada macam skill (teknik) la orang kata dan kelincahan mereka.

MAA: Adakah abang rasa pace (kelincahan) dan flare (semangat) penting kepada setiap pemain yang ada?

MZH: Setiap pemain yang ada? Kalau ikut abang la sebab abang main striker (penyerang) kan kalau setiap pemain yang ada memang abang tak boleh la. Sebab kalau defender (pertahanan) pon ada pace (kelincahan) abang tak dapat bola dah. Haa itu maksudnya.

MAA: Jadi pace (kelincahan) dan flare (semangat) ni (ini) perlu ada ditingkatkan melalui training-training (latihan) yang tertentu?

MZH: Haa ye contohnya macam yang tadi lah abang kata speed (laju) training (latihan) agility (kecerdasan) training (latihan) itulah yang meningkatkan prestasi pace (kelincahan) kita.

MAA: Adakah abang ketika bermain di kelab-kelab seperti di Sime Darby, PKNS, Perlis adakah nama abang tercalon sebagai pemain Malaysia?

MZH: Kalau pemain Malaysia untuk 100Plus kebangsaan adalah, kalau yang original Malaysia takde. Kalau pemain Malaysia biasanya yang lebih popular la yang lebih hebat daripada abang.

MAA: Okay abang rasa dari segi pemilihan untuk skuad kebangsaan Malaysia, adakah betul dengan cara pemilihan yang dilakukan?

MZH: Haa ni (ini) off record (luar rekod) la kan kalau pemilihan pada zaman Rajagopal pemilihan dia memilih pemain bukan berdasarkan prestasi mereka, mereka Rajagopal lebih suka memilih pemain kegemaran dia contohnya macam Safee Sali, Syafiq Rahim Mahali Jasuli. Mereka itu macam Syafiq Rahim pemain itu memang tak boleh sangkal dia memang hebat dia telah dapat gelaran “Beckham” dai Cardiff City pada tahun berapa abang pon tak ingat sebab permainan dia lebih kurang macam Beckham masa Syafiq Rahim membuat latihan di sana. Haa kalau macam Safee tak boleh disangkalkan dia antara prolifik striker (penyerang) yang baik yang sebab dia dapat anugerah penjaring terbanyak di liga Indonesia. Kalau Mahali Jasuli abang rasa dia tak sesuai untuk main right bek (pertahanan kanan) dia sesuai untuk main winger (sayap) sebab stamina dia pon lebih kurang bagi abang macam itulah.

MAA: Okay so (jadi) daripada abang tengok cara pemilihan Rajagopal yang abang sebutkan, abang rasa skuad Malaysia mampu mara ke peringkat yang lebih jauh?

MZH: Kalau ikut pada secara logiknya lah. Bagi abang tak boleh pon haa kalau nak sampai ke World Cup (piala dunia) ke apa ke memang susah la. Kalau untuk AFC pon agak susah jugak sebab Malaysia pemain-pemain dia tak berapa sesuai untuk dengan condition (kondisi) tempat sana macam mana. Macam mana training (latihan) dia lagi?

MAA: Saya nak tanya mengenai bola sepak Malaysia iaitu Syafiq Rahim, Safee Sali adakah abang pernah bermain dengan dorang?

MZH: Abang pernah bermain dengan Safee Sali pada tahun 2005 pada masa itu dia mewakili KLFC Kuala Lumpur la. Abang pernah main dengan dia.

MAA: Oh pada masa yang abang bermain di Kuala Lumpur 2003-2007 betul? Abang bermain untuk liga perdana bersama dengan Safee Sali? Apa komen abang mengenai pemain tersebut?

MZH: Komen ye. Kalau pada masa tu Safee Sali dia berganding bahu dengan abang haa dia antara pemain yang bagus untuk member umpanan-umpanan bola yang bagus untuk abang untuk menjaringkan gol. Contohnya macam passing dia, mengacau pemain lain untuk member ruang kepada abang.

MAA: Okay daripada situ abang boleh menilai Safee Sali itu pemain yang bagus atau pon tidak?

MZH: Bagi abang dia pemain yang bagus mungkin sejak baru-baru ini beliau ada masalah lebih kurang macam mentaliliti penat atau pon terlalu apa orang kata terlalu banyak harapan untuk dia la. Contohnya macam dia main untuk Malaysia dia main strike (penyerang) kerjanya adalah menjaringkan gol, so (jadi) tanggungjawab dia adalah besar paling besar sebab dia yang membawa kegemilangan bola sepak Malaysia.

MAA: Abang tengok cara Safee Sali bermain bola ketika KLFC adakah prestasi dia semakin meningkat atau pon menurun sehingga ke sekrang ini?

MZH: Prestasi dia? Prestasi dia pada mulanya meningkat sebab dia dapat selepas bermain dengan team (pasukan) Kuala Lumpur dia dapat tawaran untuk bermain Selangor, Selangor pada masa itu jugak dia dapat tawaran untuk main Perlis juga tapi dia menolak dia terima main Selangor sekarang dululah. Main dengan Selangor masa itu dia dapat mencatatkan penjaring terbanyak masa itu di liga super dan lepas tu dia dapat tawaran team (pasukan) Indonesia Perseee... abang pon dah tak berapa ingat dah nama dia tapi...

MAA: Pelita jaya...

MZH: Haa Pelita Jaya. Haa lepas tu (itu) disebabkan liga indonesia tu (itu) diharamkan so (jadi) Safee Sali terpaksa membuat u-turn untuk balik ke Malaysia untuk melanjutkan dia punya zaman untuk prestasi dia la untuk bermain bola sebab itu rezeki dia dekat situ. Lepas itu sekarang kita boleh tengoklah. Awak tengok ke bola?

MAA: Tengok bang!

MZH: Haa awak boleh tengok macam mana prestasi Safee Sali macam mana di JDT kan. Tapi sekarang dia makin meningkat balik cuma slow (perlahan).

MAA: Mungkin kerana faktor umur memainkan peranan penting?

MZH: Memang faktor umur la kalau macam kalau kita tengok daripada EPL, La Liga dengan cara EPL kita boleh tahu macam contohnya Van Persie. Van Persie dulu dia adalah prolifik striker(penyerang) yang menjaringkan banyak gol di Arsenal, So (jadi) masa dia gol banyak tu pada usia muda memang orang kata wah hebat dia ni (ini) tapi bila dia berpindah ke Manchester United pada umur 30tahun hamper sama umur dengan abang sejak daripada itu prestasi dia menurun. Mungkin antara sebabnya kecerdasan sebab dia ada masalah lutut ACL. Disebabkan itu jugak dia dah atak boleh score (jaringkan).

MAA: Adakah abang rasa ACL itu merupakan satu factor pembunuhan kepada pemain bola sepak yang membunuh karier mereka?

MZH: ACL sebenarnya antara bukan minor damage (kecerdasan kecil) untuk pemain bola sepak la sebab kita boleh tahu sebab kita nak berlari kita kena menggunakan kita punya ankle (buku lali) orangkata menggunakan kaki kita dan antara faktor untuk kita lari juga adalah lutut. Apabila lutut itu koyak dia member memakan masa sebanyak 6bulan atau pon setahun. So (jadi) prestasi dia pon akan menurun dengan stamina dia lagi dengan mentaliti

haa dia punya apa lagi abang pon tak ingat apa nak cakap la. Itulah sebabnya Acl itu penyebab-penyebab yabg banyak pemain-pemain bola yang bersara daripada bermain bola. Contoh macam awak, awak Acl kan?

MAA: Saya pernah mengalami Acl.

MZH: So (jadi) awak pond ah tak boleh main bola kan. Bila dia dah sentap tu fuhh! Sakit dia memang terbaring la dekat situ.

MAA: Tapi saya nak Tanya pengalaman abang yang lebih professional apabila seorang pemain kena Acl, apa cara atau langkah untuk dia kembali kepada prestasi dia yang sebenar?

MZH:Cara dia sebenarnya cara dia tu adalah sampingan saja contohnya kita buat phisioteraphy kita buat fizikal test (uji) step (lankah) macam kita kena Acl bulan lepas tu baru kita boleh berjalan la dengan betul it upon kita jalan amcam anak-anak yang baru berlaja. So (jadi) lepas tu dah 3 bulan lepas tu baru kita belajar macam mana nak lari dan selama kita 8 bulan itu kita kena menjalani latihan moral kita punya mentaliliti la dengan sokongan family (keluarga) lagi dengan sokongan team (pasukan) lagi.

MAA: Jadi daripada langkah yang kita nak atasi untuk Acl ini?

MZH: Rasanya macam langkah nak mengatasi Acl ni, maksudnya macam mana?

MAA: Adakah cara-cara nak elakkan kita kena Acl?

MZH: Nak elak Acl? Nak buat macam mana kan. Benda nak jadi kan, so (jadi) dia macam qada dan qadar kalau dah kena, kenalah. Tapi jangan terlampau push (paksa) sangatlah diri. Kalau macam kita pemain bola janganlah kita push diri kita. Kalau kita boleh jing (pergerakan) kalau macam kita nak elak orang tu denagn elak secara cepatlah orang kata.

Kalau kita boleh push benda tu (itu) nasib kitalah. Kalau tak boleh janganlah merisikokan diri. Apabila kita meriskokan diri kemungkinannya kita tak boleh main.

MAA: Siapakah yang member tunjuk ajar kepada abang ketika abang bermain di Sime Darby?

MZH: Coach (jurulatih) ea?

MAA: Adakah coach (jurulatih) atau pon rakan sepasukan yang senior?

MZH: Biasanya coach (jurulatih dengan paramedik la yang member tunjuk ajar sebab dia ada paramedik dorang ada doktor dorang. Disitu jugak abang belajar. Coach (jurulatih) dia lebih kurang bagitahu taktikal management (pengurusan) tak berapa sangat lah sekarang ni (ini). Tengok player pon macam apa je.

MAA: Okay masa dekat Sime Darby berapa gol yang abang perolehi sejak daripada zaman kejatuhan abang?

MZH: Sejak zaman kejatuhan abang? Okay masa Sime Darby abang start (mula) jatuh tu ea. Hmm entah la abang pon tak tau macam mana nak cakap. Mungkin lebih kurang dalam 9 gol satu musim atau pon 10 gol tak berapa banyak

MAA: Sewaktu main di Sime Darby berapa tahun?

MZH: Just (Cuma) satu musim sahaja. Sekarang ni banyak juga pemain-pemain Malaysia yang asyik melompat-lompat ke one another to another team (satu ke satu pasukan lain) maksudnya setiap musim dia akan bertukar-tukar team (pasukan). Kebanyakkann pemain macam itu contohnya kita tengok macam Zlatan Ibrahimovic haa Zlatan Ibrahimovic kita boleh tahu setiap dua tahun dia akan tukar team (pasukan). Contohnya first(pertama) dia daripada Ajax and then(dan kemudian) dia berpindah ke Inter Milan lepas tu(itu) dia berpindah ke AC Milan, ha tu rival (mush) tu Iner dengan AC Milan ha lepas tu dia

berpindah ke Barcelona ha lepas Barcelona pon dua tahun juga pap dia berpindah ke PSG! Ha sampai sekrang dia dekat PSG.

MAA: Adakah abang rasa cara bermain di kelab musuh ketat la contohnya macam sekarang ni (ini) zaman sekrang Selangor dan juga JDT. Itu merupakan satu lawan yang saling berjumpa ketika final (akhir). Jadi abang rasa macam abang berpindah dari Selangor ke JDT atau pon player (emain) yang berhijrah itu semua adakah ianya bagus?

MZH: Abang pon tak tau nak cakap macam mana sebab tak pernah pindah macam tu (itu) tapi kalau abang pindah ia kan menimbulkan macam haa kemarahan la untuk pemain-pemain lain contohnya macam teammate (rakan pasukan) kita bila kita pindah ke team (pasukan) yang baru musuh kita mereka akan anggap benda tu macam musnah. Macam jahat la orang kata. Yelah dorang pon tahu kehebatan seseorang pemain apabila berpindah ke team (pasukan) lain maksudnya team (pasukan) lain tu (itu) dapat, dapat tau (tahu) prestasi dia macam mana. Macam team (pasukan) lain cari pemain bukan dia nak cari pemain yang makin lemah mestilah dia nak cari pemain yang makin lagi bagus untuk mereka tulah sebabnya. Macam abang sekarang abang ada pengalaman sebab tu (itu) abang berpindah ke team (pasukan) lain. Team (pasukan) lain memerlukan khidmat abang.

MAA: Abang ada pengalaman ngeri tak ketika bersama contohnya ketika final (akhir) abang tidak menjaringkan penalti?

MZH: Oohh macam itu ye. Kalau untuk penalti takdelah kalau contohnya abang tidak dapat menjaringkan gol contohnya pada sewaktu separuh akhir bila ye? Piala FA seingat abang. Ha piala FA! Masa tu abang mewakili untuk Perlis. Time (sewaktu) itu abang tidak dapat menjaringkan gol an piala Malaysia abang dibench (rehat) kerana prestasi abang agak menurun. Macam dia ada rating (tahap) dia la orang kata daripada satu sampai sepuluh abang dapat rating (tahap) abang dapat lebih kurang lima. Thats why (kerana itu) abang kena bench (rehat).

MAA: Jadi abang rasa ketika abang di bench (rehat) tu abang rasa patut atau tidak?

MZH: Bagi abang haa yelah kadang-kadang apan sebab coach (jurulatih) dia lebih tahu daripada kita. So (jadi) abang kena terimalah sebab abang tahu abang main agak teruk.

MAA: Jadi masa abang main di Sime Darby dulu macam mana dengan prestasi pasukan tersebut?

MZH: Prestasi pasukan? Sime Darby? Waktu tu pasukan tu boleh dikatakan hebat juga lebih kurang setiap team (pasukan) abang pergi pon hebat juga. Cuma maybe (mungkin) kita bergantung pada keserasian macam chemistry (keserasian) dengan kita punya taktikal orang kata coach (jurulatih) dengan attitude (perangai) kita macam mana. Tu (Itu) yang lebih penting.

MAA: Jadi zaman abang dekat Sime Darby hanya satu musim sahaja. Jadi abang rasa cukup atau tidak masa satu musim tu (itu) abang buktikan kemampuan abang yang sebenar?

MZH: Bagi abang tak cukup sebenarnya kalau boleh abang nak lagi lama lagi bagus tapi disebabkan abang mungkin prestasi abang agak menurun sebab itu kontak abang tidak diperbaharui terpaksa abang pindah ke team (pasukan) lain.

MAA: Apa yang abang maksudkan team (pasukan) lain?

MZH: Abang berpindah pada tahun 2013, abang mewakili Johor FA.

MAA: Johor FA? Pada tahun?

MZH: Pada tahun 2013.

MAA: Johor FA bukan satu nama asing untuk peminat bola sepak tempatan ya bang. Jadi nama Johor Fa tu(itu) agak disegani jugalah.

MZH: Sebab Johor Fa ni (ini) sebenarnya adalah pasukan yang kedua untuk Johor sebab pasukan pertama adalah Johor, pasukan kedua adalah Johor Fa. Pada waktu tu (itu) Johor Fa nombor tiga pada 2013 Cuma berbeza dua mata saja dengan Negeri Sembilan waktu tu (itu).

MAA: Boleh abang terangkan sikit dekat saya apa perbezaan Johor Fa, Johor dan JDT?

MZH: JDT tu (itu) adalah Johor sebenarnya Cuma dia diperbaharui dengan nama yang baru. Kalau Johor Fa itu adalah pasukan yang swasta yang disokong oleh syarikat-syarikat swasta contohnya macamm..... Mamee, SuperRing. Ha tu (itu) adalah penaja-penaja untuk team (pasukan) Johor Fa. Kalau untuk Johor penaja dia adalah syarikat-syarikat badan kerajaan contohnya JCorp (Johor Coorperation) tu (itu) je kot seingat abang. Kalau Iskandar tu (itu) dia separuh swasta separuh kerajaan.

MAA: Ikut apa yang saya dengar dari kawan-kawan saya, saya nak Tanya abang, JDT tu (itu) JDT kawan-kawan saya cakaplah (bersin) JDT ni (ini) merupakan satu kelab. (bersin) Mengenai JDT tadi, JDT merupakan pasukan yang unggul ketika ini. Abang rasa JDT itu patut ke cara disuntik kewangan sedemikian rupa hingga menjadi kelab yang gah. Dia merupakan satu kelab yang baru betul? Jadi apa pendapat abang?

MZH: Pendapat abang kalau untuk JDT, hmm caranya adalah munyuntik kewangan yang agak berleluasa agak macam mengarut la dorang kata, terlalu mengarut macam orang kata beli pemain yang sampai satu juta agak macam membazir haa sebab kita boleh mendapat pemain yang lebih bagus dari itu. Tapi dari segi mentaliti bagi abang baguslah sebab dia lebih competitive (bersaing) sebab contohnya macam Pablo Aimar, Daniel Guiza haa itu bagus dorang buat sebab dia dapat memberikan pengalaman kepada pemain-pemain yang baru untuk naik atau pon pemain-pemain Malaysia yang dah lama Cuma tak bermain dengan pemain luar negara yang pernah bermain di top-top (atasan) kelab di luar negara. Contohnya macam Pablo Aimar kita boleh tau dia main untuk Benefica selama beberapa tahun dan dia dapat beberapa anugerah dan kalau Daniel Guiza dia dapat penjaring terbanyak untuk La Liga abang tak ingat dalam 2009. Pada masa tu (itu) dia menjaringkan dalam 29 gol untuk... untuk apa ya? Abang pon dah tak ingat, Malaga rasanya.

MAA: Jadi abang rasa prospek dari segi pembangunan JDT sangat memberangsangkan?

MZH: Bagi abang bagus cuma mereka perlu pemain muda contohnya macam sekarang kita boleh tahu baru-baru ni (ini) pemain bawah 21 untuk negara kita sedang berlatih di Siberia. Dari situ juga kita dapat tahu pemain-pemain muda ni (ini) dapat dibentuk melalui permainan yang matang yang hebat berbanding pemain-pemain import.

MAA: Adakah abang merasa dengan mengambil player-player (pemain) import seperti Guiza, Pablo Aimar itu merupakan satu pendedahan kepada player-player (pemain) tempatan kita?

MZH: Ya, bagi abang bagus yelah macam abang cakap tadi member pengalaman yang baru dengan bermain, okaylah kita bermain yang ka nada orang cakap yang top player in the world (pemain handalan dunia) dia agak berbanggala satu reputasi lagi satu kita dengar nama macam Daniel Guiza dengan Pablo Aimar, tu (itu) pon kita dah macam goyang kaki dah takut. Goyang kepala lutut pon ada tapi baguslah macam tu (itu) dia main kita punya mentaliti kita.

MAA: Okay bercakap mengenai player (pemain) import bang. Saya nak Tanya abang punya pengalaman abang sendiri abang pernah tak bermain dengan player-player (pemain) import yang daripada luar negara?

MZH: Sekarang dah pernah la sebab dulu pemain-pemain import tak berapa di di apa orang kata dapat di masukan sebab FAM tak bagi kebenaran, sekarang abang dapat main dengan pemain-pemain import abang pond ah tak ingat nama dorang banyak sangat. Dorang member pengalaman yang baru.

MAA: Okay bang. Apa ni (ini) pernahla abang bermain dengan orang luar negara?

MZH: Pernah!

MAA: Adakah itu satu orang cakap apa pendedahan baru kepada abang?

MZH: Ya macam Johor Fa abang pernah bermain dengan siapa ya, yang sebelum tu abang dah tak ingat dah nama dia yang sorang tu tapi selepas abang keluar Pablo Aimar masuk dan Daniel Guiza. Bila mereka masuk so (jadi) sebab abang kena keluar kan maybe (mungkin) mereka dah tak perlukan khidmat abang kerana pemain lebih bagus dapat menggantikan abang.

MAA: Jadi abang rasa player-player (pemain) luar negara contohnya banyak memberi player-player(pemain) tempatan saingen contohnya pemilihan dari segi untuk first eleven(pemain utama)?

MZH: Haa itu bergantung pada coach (jurulatih) juga kalau sebab abang pernah dengar juga dari kawan-kawan abang dorang kata player-player (pemain) coach (jurulatih) sekarang dia lebih gemar untuk memilih pemain import daripada pemain tempatan. Tapi dari situ jugak dia dapat memberikan semangat untuk berdaya saing dengan pemain-pemain import tapi yelah orang melayukan bila dorang dah jadi riak bila dah dapat main dia jadi riak. Bila tak dapat main dia membongkak (marah). Ha macam tulah.

MAA: Okay bang. Ketika abang di Johor Fa sejauh mana pasukan abang pergi?

MZH: Kami tak menang apa-apa. Kami kalah di suku akhir Piala Fa dan Piala Malaysia.

MAA: Jadi ini sebagai satu titik untuk abang berhenti bermain bola atau bagaimana?

MZH: Bagi abang takdelah sebab bagi abang bermain bola ni (ini) adalah rezeki abang so(jadi) di situlah punca rezeki abang dan di situ jugak abang tak boleh pergi mana-mana bermain bola jugalah.

MAA: Jadi bola sepak ini memang hidup mati abang la?

MZH: Aah memang tu(itu) jelah abang bola bola bola.

MAA: Jadi di Johor Fa ini adakah abang menghadapi masalah daripada segi gaji atau masalah dengan pengurusan?

MZH: Biasanya pengurusan biasalah taknak memperbaharui kontrak abang kan. Siapa tak marah? Tapi kalau dari segi gaji takdelah sebab mereka pon tak pernah ada tertunggak bayaranya.

MAA: Abang ada sumbangan gol ketika mewakili Johor Fa?

MZH: Ada! Cuma beberapa sajalah. Cuma tujuh tak banyaklah sebab abang pon jarang main.

MAA: Kira selepas abang bermain di Johor Fa mana lagi destinasi abang?

MZH: Abang bermain untuk PBA Fc di liga perdana.

MAA: PBA Fc? Itu satu nama yang asing bagi sesetengah individu. Boleh abang terangkan sikit apa itu kelab yang abang maksudkan tadi?

MZH: PBA FC itu adalah Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Football Club. Itu adalah team (pasukan) daripada Pulau Pinang yang berasal dari syarikat bekalan air.

MAA: Jadi ia merupakan kelab swasta?

MZH: Haa dia kelab swasta.

MAA: Dia memang memerlukan khidmat abang sebagai pemain dorang?

MZH: Sebab mereka pon adalah team (pasukan) baru yang ditubuhkan daripada bekalan air sebab abang pon tak pernah dengar nama team (pasukan) tu (itu) tapi disebabkan Johor Fa taknak memperbaharui kontrak abang Cuma PBA Fc saja yang memerlukan khidmat abang.

MAA: Kira abang bermain di PBA FC dalam tempoh yang agak lama atau pon...?

MZH: Cuma sekejap sahaja sebab selepas PBA Fc jatuh balik sebab abang mewakili PBA Fc pada 2014 kalau awak boleh tengoklah sekarang dia punya carta bukan carta dia punya table (liga) PBA Fc dah takde dalam table (liga).

MAA: Oh kira PBA Fc ni memang satu kelab yang dah jatuh?

MZH: Dah jatuh dia pernah naik sekali kemudian jatuh balik.

MAA: Jadi di mana kelab itu sekarang?

MZH: Sekarang dia dekat liga FAM. Dia bawah daripada liga perdana.

MAA: Jadi selepas kejatuhan PBA Fc abang berhijrah...?

MZH: Abang berhijarah ke Kuantan Fa dan sampai sekarang.

MAA: Kuantan Fc abang bermain sehingga sekrang?

MZH: Ye Kuantan Fa sehingga umur abang 34 tahun.

MAA: Agak lama juga abang punya karier, kira jauh perjalanan abang.

MZH: Jauh juga dari umur 8 tahun sampai 34 tahun dan lebih kurang 26 tahun.

MAA: Apa yang abang nak kongsi dengan kita orang macam dengan kami berdua apa yang abang nak kongsikan liku-liku hidup abang menjadi pemain bola sepak yang professional?

MZH: Okay kalau macam pemain bola sepak ye liku-liku dia ye. Contohnya kalau kita nak main bola ni (ini) kita kena start daripada bawah janganlah kita memberi harapan tinggi kita nak start-start (mula) kita terus bermain di peringkat tinggi. Memang tak jadi kau! Contohnya macam kita macam abang, abang start (mula) daripada bawah daripada kelab bawah Kuala Lumpur eh daripada Piala President tu dari situ abang berpotensi ke kelab lebih tinggi disitu juga abang belajar macam mana nak macam mana orang kata belajar orang cakap bermain di peringkat lebih tinggi. Daripada piala presiden abang pindah tu (itu) belajar selama 5 tahun eh 4 tahun abang belajar main di Kuala Lumpur then (kemudian) makin lama makin meningkat sebab di atas faktor umur abang jatuh balik.

MAA: Biasalah sebab hidup ni (ini) ada naik turun.

MZH: Haa macam roda. Ha biasalah tu (itu). Tapi kalau kita nak benda tu (itu) kita kena buat usaha yang penting tapi jangan push diri la kalau benda tu (itu) memang awak tak boleh buat tapi awak nak buat juga janganlah push diri. Selagi awak, kalau awak buat macam tu (itu) awak akan makan diri.

MAA: Oh jadi boleh tak abang cerita apa pencapaian-pencapaian abang yang dah abang kecapi bersama kelab-kelab yang abang dah main?

